

♥17/07/00-00MST

CNS5055

R GB 17-07 00148 BC584

BAH

DR MAHATHIR SAMBUT ULANG TAHUN KE-13 SEBAGAI PERDANA MENTERI

I

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyambut ulang tahun ke-13 sebagai Perdana Menteri bersama pegawai dan kakitangan Kementerian Dalam Negeri (KDN), di sini, malam ini.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Dalam Negeri dalam ucapannya pada majlis jamuan malam KDN itu, berkata harmoni perlu diwujudkan di kalangan kakitangan awam.

Beliau turut memuji pegawai dan kakitangan KDN kerana kecemerlangan tugas masing-masing.

Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri pada 16 Julai, 1981, menggantikan Tun Hussain Onn yang bersara kerana sebab kesihatan.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah isterinya, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayob dan pegawai-pegawai kanan dari pelbagai agensi dan pertubuhan di bawah KDN. -- Bernama

JSM MAM NAK

♥17/07/00-02MST